

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS GRADUASI PUSAT MINDA LESTARI KALI  
KE-7**

**25 NOVEMBER 2017 (SABTU) | 8:30 PAGI  
DEWAN KULIAH PUSAT 1, UMS**

Terima kasih saudara/i pengacara majlis,  
Bismillahirrahmanirrahim, selamat pagi, salam  
sejahtera dan salam 1 UMS.

- Yang Berusaha En. No'man Hj. Ahmad,  
Pendaftar UMS
- Pn. Zallifah Shadan,  
Bendahari UMS
- Pn. Dayang Rokiah Hj. Awang Amit,  
Ketua Pustakawan UMS
- Pn. Aidah Noordin,  
Pengarah Pusat Minda Lestari

- Dekan-dekan dan Ahli Lembaga Pengelola Pusat Minda Lestari
- Para ibu bapa, guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama meraikan Majlis Graduasi Pusat Minda Lestari bagi tahun 2017 kali yang ke-7 pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Jawatankuasa Majlis yang berjaya menganjurkan majlis ini. Syabas dan tahniah kepada murid-murid 6 tahun Pusat Minda Lestari seramai 27 orang yang akan menamatkan zaman prasekolah mereka bermula hari ini.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Saya percaya Majlis Graduasi ini bakal menjadi pembakar semangat kepada anak-anak semua untuk meneruskan pembelajaran ke tahap sekolah rendah yang akan bermula pada 2 Januari 2018 dengan keyakinan yang tinggi. Anak-anak sekalian, perjalanan bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kokurikulum masih jauh dan terbentang luas. Berbekalkan ilmu pengetahuan yang ditimba dari Pusat Minda Lestari serta diiringi doa dan harapan ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan, saya yakin dan percaya, anak-anak semua bakal menjadi insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang apabila dewasa kelak.

Ucapan terima kasih kepada barisan guru Pusat Minda Lestari yang memberi banyak bimbingan dan ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak Pusat Minda Lestari dengan penuh dedikasi dalam memastikan kanak-kanak mencapai perkembangan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS).

**Hadirin Hadirat sekalian,**

Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan hak keselamatan dan kebajikan kanak-kanak terus terjamin dan kekal terpelihara. Saban hari isu yang melibatkan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak mendapat liputan meluas di media massa. Syabas saya ucapkan kepada Pusat Minda Lestari atas keprihatinan dan komitmen dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak terus terjamin dengan mewujudkan prosedur-prosedur berkaitan. Diharapkan para ibu bapa memberi sokongan penuh dengan mematuhi prosedur yang telah disediakan.

Lokasi Pusat Minda Lestari yang berada dalam kampus Universiti Malaysia Sabah merupakan satu kelebihan untuk bekerjasama dengan ramai pihak. Keahlian dalam Jawatankuasa Kurikulum, Modul dan Silibus PML yang melibatkan ahli-ahli akademik dan pentadbir dalam pelbagai bidang berkaitan telah berjaya menghasilkan satu modul yang menekankan kepada elemen 4C iaitu pemikiran kritikal, kreativiti, komunikasi dan kolaborasi dalam membangunkan insan seimbang di abad ke-21 yang penuh mencabar ini.



Pendidikan awal kanak-kanak semakin mendapat perhatian. Ini terbukti dengan keprihatinan kerajaan seperti yang dinyatakan dalam pembentangan bajet 2018, perkara 80 menuju TN50: bagi mencapai kualiti kerja dan kehidupan keluarga yang seimbang, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mewajibkan semua bangunan pejabat yang baharu supaya menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak bermula di Kuala Lumpur.

Di Universiti Malaysia Sabah, kewujudan prasekolah dan pusat jagaan di dalam kampus telah bermula sejak tahun 2003 dengan penubuhan awal tadika di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, pembukaan taska pada tahun 2007 di bawah kelolaan Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan KESUMBA serta kewujudan bangunan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak sepenuhnya dalam kampus bermula pada tahun 2014 dan dijenamakan semula kepada Pusat Minda Lestari pada tahun 2015 sehingga kini.

Pihak pengurusan tertinggi universiti juga amat mengambil berat mengenai keperluan Pusat Minda Lestari dalam menangani masalah berkaitan ruang yang tidak mencukupi khususnya bagi program *Daycare/Transit* dan pejabat pentadbiran Pusat Minda Lestari. Keputusan Jawatankuasa Lembaga Pengarah Universiti meluluskan peruntukan yang bukan sedikit untuk tujuan berkenaan harus disyukuri dan dihargai oleh ibu bapa dan warga UMS. Kelestarian pendidikan awal kanak-kanak ini adalah satu usaha bersama dan perlu dijaga dari semasa ke semasa.

**Hadirin Hadirat yang saya hormati,**

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua murid yang bergraduasi pada hari ini. Semoga anak-anak semua terus cemerlang di masa hadapan.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Majlis Graduasi Pusat Minda Lestari kali ke-7.**

Sekian, terima kasih.